

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 December 2023 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Disember 2023 melainkan jika dinyatakan

Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana Urus is a managed fund that seeks to maximise returns over medium to long term. This is achieved by investing in Shariah-approved shares and securities through Takafulink Dana Ekuiti and Takafulink Dana Sukuk and in any other such Takafulink funds that may become available in the future. Suitable for participants with moderate to high risk tolerance and medium to long term investment horizon.


Takafulink Dana Urus adalah satu dana yang diuruskan untuk memaksimumkan pulangan di dalam jangka masa sederhana ke panjang. Ia dicapai dengan pelaburan di dalam saham dan sekuriti berlandaskan Syariah melalui Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Sukuk serta dana-dana Takafulink yang lain yang mungkin disediakan di masa hadapan. Dana ini adalah untuk para peserta yang mempunyai daya toleransi sederhana ke tinggi dan ingin melabur di dalam jangka masa sederhana ke panjang.

Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan	Eastspring AI-Wara' Investments Berhad
Inception Date / Tarikh Diterbitkan	01/12/2006
Current Fund Size / Saiz Dana Terkini	RM601,401,237.36
Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.30% per annum
Current NAV / NAB Terkini	RM2.20946

How the Fund has performed / Prestasi Dana


Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana
Takafulink Dana Urus Vs. 80% FBMSHA + 20% 12 MTH MBB Islamic Term Deposit Rate



Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	0.64%	1.12%	4.18%	1.18%	-5.50%	11.07%	120.95%
Benchmark / Penanda Aras	0.49%	1.00%	4.72%	0.99%	-11.97%	-0.56%	56.33%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	0.15%	0.12%	-0.54%	0.19%	6.47%	11.63%	64.62%

Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation Peruntukan Aset

	% NAV
1 Takafulink Dana Ekuiti	78.47
2 Takafulink Dana Sukuk	21.53

Takafulink Dana Ekuiti Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Tenaga Nasional Berhad	7.69
2 IHH Healthcare Berhad	4.91
3 Press Metal Berhad	4.72
4 PETRONAS Chemicals Group Berhad	4.28
5 PETRONAS Gas Berhad	4.09
6 Telekom Malaysia Berhad	4.09
7 Sime Darby Plantation Berhad	3.94
8 TIME dotCom Berhad	3.89
9 Inari Amertron Berhad	3.08
10 PPB Group Berhad	2.98

Takafulink Dana Sukuk Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Sarawak Energy Berhad	3.45
2 AEON Credit Service (M) Sdn Bhd	2.78
3 DanaInfra Nasional Berhad	2.50
4 YTL Power International Berhad	2.31
5 Danum Capital Berhad	2.25
6 Amlslamic Bank Berhad	2.21
7 Edra Energy Sdn Bhd	2.14
8 PONS B Capital Berhad	2.13
9 Pengurusan Air SPV Berhad	2.09
10 Projek Lebuhraya Usahasama Berhad	2.03

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 December 2023 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Disember 2023 melainkan jika dinyatakan

Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

Equity Market Review

December was a quiet month for Malaysian equities, with few events and announcements. During the month, the media reported on the proposal of the Johor-Singapore Special Economic Zone, with the MoU to be signed in January 2024. The Prime Minister announced the cabinet reshuffle mid-December, adding 5 new ministers appointed to his cabinet. The Cabinet which had 28 ministers previously has been expanded to 31, with two ministerial portfolios split up and the appointment of a second Finance Minister. In December, we saw net foreign buying of RM0.3m for the second month in a row. However, Malaysia ended the year with net foreign outflows of RM2.4b. YTL Corp and YTL Power replaced Westports and Dialog as KLCI constituents effective 18 Dec 2023. The FBM Emas Shariah closed the month at 10,988.71, up 0.54% mom. The FBM Small Cap Shariah index gained 1.52% for the month and outperformed the FBM Emas Shariah Index.

Market Outlook

Global political issues continue to fester, without any resolution on the Russia-Ukraine conflict, and US-China relations remain tense. The recent Palestine-Israel conflict has thrown uncertainty into the mix. There are still some diverging views on the risk of a recession, but for now given the continued resilience of the US economic data, and the persistent stickiness of inflation, investors are now expecting a soft landing in the US. Note that 2024 will be a year of many elections taking place globally, hence something for investors to monitor, as the outcomes may change the current geopolitical situation. Domestically, equity markets have started the new year positively, with investors sentiment improving running on themes relating to Johor, and NETR. We are seeing more messaging from the government in regard to the petrol subsidy rationalization, and snippets of information on the energy exchange to be set up. However indicative time for the details of the petrol subsidy may only be released in 2H2024. Investors are getting impatient waiting for more details on the various policies announced. There is also downside risk from policy execution of the various new measures and policies as announced by the government. Persistent inflation will likely continue to be a bug-bear for the market especially in the 2H2024 when the targeted petrol subsidies are expected to rollout, and tighter household disposable incomes will continue to plague demand. The Palestine-Israel conflict has also resulted in boycotts of sales of those deemed to be supporting Israel, such as many fast food and coffee franchises. This may have an impact on employment and wages from these businesses if this boycott continues for long. Nevertheless, we remain cautiously optimistic, and any correction in the market will provide us the opportunity to accumulate fundamentally sound stocks.

Fixed Income Market Review

The Malaysian Government Securities (MGS) yield curve continued to shift lower in December as the US Treasuries continued to rally, largely fueled by the expectations that the Federal Reserve would start cutting interest rates soon. Sentiments continued to be supported during the month following the Fed's December meeting, where it indicated an end to rate hikes and did not strongly oppose market bets on rate cuts in 2024. During the month, yield on the 7-year benchmark fell the most with a decline of 10bps MoM, while the 3-year benchmark rose by 1bp as demand on duration remained strong. The 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- and 30-year benchmarks closed at 3.53% (+1bp), 3.65% (-3bps), 3.74% (-10bps), 3.73% (-9bps), 3.99% (-6bps), 4.11% (-7bps) and 4.25% (-5bps), respectively in December. Data released during the month showed that Malaysia's industrial production index (IPI) recovered to expand by 2.7% in October 2023, after reporting a 0.5% contraction the month prior, led by the improved performance of the mining sector, and continuous growth in electricity and manufacturing sector's output. According to the data released by the Department of Statistics Malaysia (DOSM) on Monday, the growth in October was the highest since May 2023, as the mining sector grew 8.7% (September 2023: -5.2%), while the electricity and manufacturing sector grew 5.8% (September 2023: 2.5%) and 0.9% (September 2023: 0.4%) respectively. Meanwhile, the seasonally adjusted S&P Global Malaysia Manufacturing PMI rose to a seven-month high of 47.9 in November, up from 46.8 in October, signaling a muted moderation in the sector's health. The latest reading pointed to the sixteenth straight month of decline in factory activity, as new orders moderated, with new export orders falling for the eighth month in a row, while output shrank for the seventeenth month running. Separately, headline inflation eased to 1.5% y/y in November (Oct: 1.8%), marking a sustained deceleration since September 2022 to a 33-month low. The reading came in below market consensus of 1.7%. The faster pace of deceleration was mainly due to lower gains in the food & non-alcoholic beverages subcomponents. Core inflation also eased to 2.0% (Oct: 2.4%). Fitch Ratings has affirmed Malaysia's Long-Term Foreign-Currency Issuer Default Rating (IDR) at 'BBB+' with a Stable Outlook. This affirmation reflects a balance between Malaysia's diversified economy with strong medium-term growth prospects and challenges such as high public debt, a low revenue base relative to operating expenditure and political consideration that could impact long-term policy and reform implementation.

Market Outlook

Fiscal reformation implementation which includes recent announcement on sales tax on low value goods starting 1 January 2024, 2% hike in service tax from March 2024 and higher electricity tariffs for targeted users among others, might keep inflation levels elevated. Focus would also be on targeted petrol subsidy which is expected to take place in 2024. To implement the targeted petrol subsidy plan, the government has developed a central database hub called PADU, which will be used to determine the eligibility of a person for a targeted fuel subsidy that is premised upon one's net disposable income. Meanwhile, Bank Negara Malaysia (BNM)'s Monetary Policy Committee (MPC) will convene on 23-24 January, setting the tone for the year's monetary policy. Other data to be released in January include among others, November IPI (11 Jan), November Retail Sales (11 Jan), December trade data (19 Jan), December CPI (22 Jan) and December PPI (29 Jan). Relatively lesser MGS/GII supply for 2024 should provide positive catalyst for the local bond market dynamics. However, over the short-term, the large government bond net supply of RM 43.0 billion during the first quarter of the year is expected to put some pressure on the market's dynamics. In January, there will be three government bond auctions, which includes the 10-year reopening MGII 8/33, 30-year reopening MGS 3/53 and 5-year reopening of MGII7/28 with expected total auction size of RM 14.5 billion.

Fund Review & Strategy

The Fund returned 0.64% for the month outperforming the benchmark return of 0.49% by 0.15%. Year-to-date, the fund returned 1.18%, outperforming the benchmark return of 0.99% by 0.19%. The outperformance in December was mainly due to the outperformance in the equity portion against its benchmark. As of end-December 2023, the Fund has 78.47% exposure in equities and 21.53% in sukuk.

Ekuiti Tinjauan Bulanan

Ekuiti Malaysia mengalami bulan Disember yang lengang susulan sedikit sahaja peristiwa dan pengumuman dari kerajaan. Pada bulan tinjauan, media melaporkan cadangan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura, dengan MoU yang akan ditandatangani pada Januari 2024. Perdana Menteri mengumumkan rombakan kabinet pada pertengahan Disember, dengan melantik 5 menteri baharu ke dalam kabinetnya. Kabinet yang mempunyai 28 menteri sebelum ini telah diperkembang kepada 31, dengan dua portfolio menteri dipecahkan disertai dengan pelantikan Menteri Kewangan kedua. Pada Disember, kita menyaksikan belian asing bersih bulan kedua berturut-turut bernilai RM0.3 juta. Walau bagaimanapun, Malaysia mengakhiri tahun dengan aliran keluar bersih asing sebanyak RM2.4 bilion. YTL Corp dan YTL Power menggantikan Westports dan Dialog sebagai konstituen KLCI berkuat kuasa 18 Disember 2023. FBM Emas Shariah menutup bulan pada 10,988.71, naik 0.54% bulan ke bulan (MoM). Indeks FBM Small Cap Shariah meraih 1.52% pada bulan tinjauan dan mengatasi prestasi Indeks FBM Emas Shariah.

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 December 2023 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Disember 2023 melainkan jika dinyatakan

Gambaran Bulanan

Isu politik global terus meruncing, tanpa sebarang penyelesaian mengenai konflik Rusia-Ukraine, sementara hubungan US-China kekal tegang. Konflik Palestin-Israel baru-baru ini menyemarakkan lagi ketakpastian dalam kemelut ini. Masih terdapat beberapa pandangan yang berbeza tentang risiko kemelesetan, tetapi buat masa ini memandangkan data ekonomi US masih lagi mampan, sementara inflasi terus melekit, maka pelabur kini menjangkakan pendaratan lembut di US. Perlu diberi perhatian bahawa banyak pilihanraya akan diadakan di seluruh dunia pada 2024, justeru pelabur perlu memantaunya, kerana setiap keputusan pilihanraya mungkin mengubah keadaan geopolitik semasa. Di dalam negeri, pasaran ekuiti telah memulakan tahun baharu dengan positif, manakala sentimen pelabur bertambah baik menurut tema berkaitan Johor dan NETR. Kita dapati lebih banyak kenyataan daripada kerajaan berkenaan dengan rasionalisasi subsidi petrol, di samping coretan maklumat mengenai suruhanjaya pertukaran tenaga yang akan ditubuhkan. Walau bagaimanapun, masa indikatif tentang butiran subsidi petrol hanya boleh dikeluarkan pada 2H2024. Pelabur semakin tidak sabar menunggu butiran lanjut mengenai pelbagai dasar yang telah diumumkan. Terdapat juga risiko menurun berikutan pelbagai langkah pelaksanaan dasar dan dasar baharu yang diumumkan oleh kerajaan. Inflasi yang berterusan mungkin akan terus menjadi igauan pasaran terutamanya pada 2H2024, seputar jangkaan pelancaran subsidi petrol bersasar, dan pendapatan boleh guna isi rumah yang lebih kecil akan terus membelenggu permintaan. Konflik Palestin-Israel juga telah mengakibatkan mereka yang dianggap menyokong Israel diboikot, seperti kebanyakan francais makanan segera dan kopi. Ini mungkin memberi kesan kepada pekerjaan dan gaji yang melibatkan perniagaan ini sekiranya terus menerus diboikot dalam tempoh yang lama. Namun begitu, kami kekal optimistik namun berhati-hati, dan apa-apa pembetulan dalam pasaran akan memberi kami peluang untuk mengumpul saham berasas kukuh.

Pendapatan Tetap Tinjauan Bulanan

Kelak hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) berganjak lebih rendah pada Disember apabila Perbendaharaan US terus meningkat, sebahagian besarnya didorong oleh jangkaan bahawa Rizab Persekutuan akan mula mengurangkan kadar faedah tidak lama lagi. Sentimen terus disokong pada bulan ini susulan mesyuarat Fed pada Disember, yang mana ia menunjukkan penamatan kenaikan kadar dan pada masa yang sama tidak kuat menentang pertaruhan pasaran tentang pemotongan kadar faedah pada 2024. Pada bulan ini, hasil penanda aras 7 tahun jatuh paling banyak dengan penurunan 10 bps MoM, manakala penanda aras 3 tahun meningkat 1 bp berikutan permintaan ke atas tempoh masih lagi kukuh. Penanda aras 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- dan 30 tahun masing-masing ditutup pada 3.53% (+1 bp), 3.65% (-3 bps), 3.74% (-10 bps), 3.73% (-9 bps), 3.99% (-6 bps), 4.11% (-7 bps) dan 4.25% (-5 bps), pada Disember. Data yang dikeluarkan pada bulan ini menunjukkan bahawa indeks pengeluaran perindustrian (IPI) Malaysia pulih lalu berkembang sebanyak 2.7% pada Oktober 2023, selepas melaporkan penguncupan 0.5% pada bulan sebelumnya, diterajui oleh peningkatan prestasi sektor perlombongan, dan pertumbuhan berterusan tenaga elektrik dan output sektor pembuatan. Menurut data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada Isnin, pertumbuhan pada Oktober merupakan yang tertinggi sejak Mei 2023, apabila sektor perlombongan mengembang 8.7% (September 2023: -5.2%), manakala sektor elektrik dan pembuatan masing-masing menokok 5.8% (September 2023: 2.5%) dan 0.9% (September 2023: 0.4%). Sementara itu, S&P Global Malaysia Manufacturing PMI yang diselaraskan secara bermusim meningkat ke paras tertinggi tujuh bulan iaitu 47.9 pada November, meningkat daripada 46.8 pada Oktober, menandakan penyederhanaan sektor kesihatan yang mendatar. Bacaan terkini menunjukkan kemerosotan aktiviti kilang selama enam belas bulan berturut-turut, apabila pesanan baharu menjadi sederhana, dengan pesanan eksport baharu jatuh buat bulan kelapan berturut-turut, manakala pengeluaran terus menerus menyusut buat bulan ketujuh belas. Secara berasingan, inflasi keseluruhan merosot kepada 1.5% YoY pada November (Okt: 1.8%), menandakan penurunan yang bukan sahaja berterusan sejak September 2022 malah jatuh ke paras terendah 33 bulan. Bacaan berada pada 1.7% di bawah konsensus pasaran. Kadar nyahpecutan yang lebih pantas dipicu terutamanya oleh keuntungan subkomponen makanan & minuman bukan beralkohol yang lebih rendah. Inflasi teras juga berkurangan kepada 2.0% (Okt: 2.4%). Fitch Ratings telah mengesahkan Penarafan Kemungkinan Penerbit Mata Wang Asing (IDR) Jangka Panjang Malaysia pada 'BBB+' dengan Prospek Stabil. Pengesahan ini mencerminkan keseimbangan antara kepelbagaian ekonomi Malaysia dengan prospek pertumbuhan jangka sederhana yang kukuh dan tantangan seperti hutang awam yang tinggi, asas hasil yang rendah berbanding perbelanjaan mengurus operasi dan pertimbangan politik yang boleh memberi kesan kepada pelaksanaan dasar dan pembaharuan jangka panjang.

Gambaran Bulanan

Pelaksanaan reformasi fiskal yang merangkumi pengumuman baru-baru ini mengenai cukai jualan ke atas barangan bernilai rendah mulai 1 Januari 2024, kenaikan cukai perkhidmatan sebanyak 2% dari Mac 2024 dan tarif elektrik yang lebih tinggi buat pengguna sasaran antara lain, mungkin mengekalkan peningkatan paras inflasi. Tumpuan juga akan diberikan kepada subsidi petrol bersasar yang dijangka akan dilaksanakan pada 2024. Bagi melaksanakan pelan subsidi petrol bersasar, kerajaan telah membangunkan PADU iaitu hab pangkalan data pusat, yang akan digunakan untuk menentukan kelayakan seseorang untuk sasaran subsidi bahan api yang berasaskan pendapatan boleh guna bersih seseorang. Sementara itu, Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara Malaysia (BNM) akan bersidang pada 23-24 Januari, menetapkan haluan dasar monetari tahun itu. Data lain yang akan dikeluarkan pada Januari termasuk IPI November (11 Jan), Jualan Runcit November (11 Jan), Dagangan Disember (19 Jan), CPI Disember (22 Jan) dan PPI Disember (29 Jan). Penawaran MGS/GII yang rendah secara relatif bagi tahun 2024 seharusnya memberikan pemangkin positif buat dinamik pasaran bon tempatan. Walau bagaimanapun, dalam jangka pendek, penawaran bersih bon kerajaan yang besar iaitu RM 43.0 bilion pada suku pertama tahun ini dijangka memberi tekanan ke atas dinamik pasaran. Pada Januari, terdapat tiga lelongan bon kerajaan, termasuk pembukaan semula MGII 8/33 10 tahun, pembukaan semula MGS 3/53 30 tahun dan pembukaan semula MGII/28 5 tahun dengan jangkaan jumlah saiz lelongan sebanyak RM 14.5 bilion.

Tinjauan & Strategi Dana

Dana mencatat pulangan 0.64% pada bulan ini mengatasi pulangan penanda aras 0.49% dengan perbezaan 0.15%. Sejak awal tahun sehingga bulan tinjauan, Dana menjana pulangan 1.18%, mengatasi pulangan penanda aras 0.99% dengan perbezaan 0.19%. Prestasi baik pada Disember disumbangkan terutamanya oleh prestasi bahagian ekuiti yang lebih baik berbanding penanda arasnya. Setakat akhir Disember 2023, Dana mempunyai 78.47% pendedahan dalam ekuiti dan 21.53% dalam sukuk.

Source / Sumber: Fund Commentary, December 2023, Eastspring Al-Wara' Investments Berhad

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 December 2023 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Disember 2023 melainkan jika dinyatakan

Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL